

PM mahu umat Islam jadi aset berharga masyarakat



PULAU PINANG 16 Mac - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan umat Islam agar sentiasa memastikan mereka menjadi aset berharga kepada masyarakat dan bukannya bebanan.

Menurut Perdana Menteri, sebagai aset, umat Islam perlu dihormati dan bersedia menghulurkan sumbangan dan kerjasama kepada mana-mana pihak yang memerlukan bantuan.

Oleh itu, katanya, umat Islam perlu dilengkapi dengan ciri-ciri pekerti mulia seperti bersikap penyayang, mementingkan keamanan dan kesejahteraan serta tidak bergaduh dengan masyarakat lain termasuk yang bukan seagama.

"Kita tidak mahu menjadi satu golongan yang membebankan masyarakat tetapi kita mahu menjadi umat yang memberi pertolongan apabila ada pihak yang memerlukannya.

"Kita mahu orang Islam menjadi umat yang kaya dengan sumbangan dan amal

jariah sesuai dengan kepimpinan yang diberikan, inilah yang menjadi lambang kepada Islam iaitu agama yang kita anuti," katanya ketika berucap merasmikan Masjid Terapung Tanjung Bungah di sini, hari ini.

Masjid terapung dua tingkat seluas 1,295 meter persegi bernilai RM15 juta itu mampu memuatkan 1,500 jemaah pada satu-satu masa dengan reka bentuk unik gabungan seni bina tempatan dan Arab.

Masjid yang mula dibina pada 1 Oktober 2003 dan siap pada 19 Januari 2005 dan digunakan dua hari kemudiannya, juga diingati sebagai antara struktur binaan yang selamat daripada tsunami yang turut melanda negara pada 26 Disember 2004.

Berhampiran masjid itu yang dibina bagi menggantikan masjid lama Tanjung Bungah ialah kawasan penempatan untuk mangsa tsunami yang dijangka mula diduduki bulan depan.

Dalam pada itu, Perdana Menteri mahukan masjid yang menjadi lambang kepada umat Islam, turut dimakmurkan dengan pelbagai kegiatan amal dan bukan hanya terhad sebagai tempat untuk menunaikan solat semata-mata.

Sebaliknya kata beliau, masjid perlu diisi dengan syarahan agama, perbincangan, majlis-majlis ilmu, kuliah umum serta perbincangan mengenai masyarakat yang merupakan ibadah bagi memenuhi tuntutan fardu kifayah.

"Mudah-mudahan masjid ini diimarahkan dengan sebaik-baiknya sebagai tempat pertemuan kita untuk kerja-kerja amal dan muafakat yang baik, bukan muafakat untuk bergaduh dengan mana-mana pihak," ujarnya.

Abdullah turut mengingatkan umat Islam agar memelihara kesucian masjid dengan tingkah laku dan ketertiban mereka serta tidak menjadikannya medan perpecahan menerusi kata-kata yang kasar, sombong, tuduh-menuduh serta menabur fitnah.

Pada masa yang sama, kata Perdana Menteri, kebersihan masjid juga perlu dititikberatkan selaras dengan keutamaan ajaran Islam sendiri.

Terdahulu, Abdullah yang dalam rangka lawatan sehari ke sini, turut mengadakan perjumpaan tertutup dengan ahli UMNO Bahagian Bukit Bendera sebelum mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang di sebuah hotel di sini.

ABDULLAH Ahmad Badawi meninjau Masjid Terapung dari balkoni perumahan tsunami di Tanjung Bungah Pulau Pinang semalam.

- Gambar MOHD NAIM AZIZ